

TEKS UCAPAN

Y.BHG. BRIG. JEN. DATO`PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)  
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA  
PERDANA SIRI III DAN PELANCARAN RAKAN ANTI DADAH  
(RADA) PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)  
PADA 24 JULAI 2009,  
DI DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri  
Besar Perlis

Yang Berbahagia , Prof. Dr. Mahmood bin Nazar, Timbalan  
Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Malaysia.

Yang Berbahagia Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-  
Ketua Jabatan,

Wakil-wakil media, Wakil-wakil kampung dan para  
mahasiswa UniMAP yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan Selamat Pagi. Good Morning, Cao Shang Hao, Kaalai Vanakkam

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Program Baktisiswa Perdana Siri III yang akan bermula hari ini hingga 26 Julai 2009 dan Pelancaran Rakan Anti Dadah (RADA) Peringkat UniMAP.

Saya mewakili warga UNIMAP ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir dalam program pagi ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada barisan tetamu dan dif-dif kehormat yang sudi melapangkan masa, hadir bagi memeriahkan lagi majlis. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua amat besar ertinya buat UniMAP dan kami memandang tinggi komitmen tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa menyokong apa jua program yang dianjurkan UniMAP.

Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan buat ahli jawatankuasa dan kakitangan yang

terlibat dalam program ini baik secara langsung mahupun tidak langsung sekaligus memastikan kejayaan Program Baktisiswa Perdana Siri III 2009 ini. Syabas dan tahniah dari saya.

Harapan saya, agar penganjuran program seumpama ini akan merapatkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan warga UniMAP amnya dan rakyat negeri Perlis khususnya.

Hadirin dan Hadirat Sekalian

Program Baktisiswa Perdana ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan UniMAP yang mana penganjuran untuk kali pertama dimulakan pada tahun 2007 yang lalu. Program ini merupakan salah satu program wajib yang terkandung dalam Kursus 7 Pillars i.

Untuk pengetahuan para hadirin, kursus 7 Pillars i ini merupakan kursus wajib tanpa kredit yang perlu disertai oleh semua pelajar UniMAP sebelum bergraduasi.

Kursus ini bertujuan untuk menyeimbangkan kebijaksanaan mereka untuk berfikir dan mengawal emosi supaya lebih terbina sahsiah rupa diri mereka dalam berhadapan dengan era globalisasi.

Hadirin Sekalian,

Untuk makluman anda semua juga, Program ini telah dua kali berjaya disenaraikan dalam Malaysia Book of Records bagi kategori “The Largest Foster Family” yang mana pada tahun lalu program ini mendapat penyertaan seramai 1400 mahasiswa UniMAP dengan 900 keluarga angkat di 31 buah kampung di sekitar negeri Perlis.

Dan usaha ini diteruskan lagi pada tahun ini pula dengan sasaran penglibatan lebih ramai mahasiswa iaitu 2,000 orang yang mana mereka akan ditempatkan bersama 1,500 keluarga angkat di 75 buah kampung dalam 15 Dewan Undangan Negeri di seluruh Perlis.

Penganjuran program ini juga merupakan antara usaha dan inisiatif UniMAP dalam membentuk minda kelas pertama di kalangan masyarakat kampung sebagai salah satu tanggungjawab sosial untuk membantu kerajaan Negeri.

Suka saya selitkan di sini sebagai mahasiswa, setiap pelajar mestilah menganggap penganjuran program ini bukan sekadar membuang masa sebaliknya saya amat berharap agar anda semua menjadikan pengalaman untuk menyertai program seumpama ini sebagai peluang yang mungkin tidak

dapat diperolehi di masa akan datang sekali gus terus bersemangat menjadi lebih baik dari sehari ke sehari.

Hadirin hadirat sekalian,

Seperti yang diketahui ramai, negara kita kini sedang mengamalkan konsep 1 Malaysia yang mana konsep ini telah diutarakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak pada 3 April lalu ketika beliau mula memegang tampuk kepimpinan negara.

Oleh itu, saya yakin dan percaya, program yang kita anjurkan ini dapat memupuk perpaduan antara kaum kerana semua mahasiswa yang terlibat dalam program ini terdiri dari pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India.

Mereka ini akan tinggal bersama keluarga angkat selama 3 hari 2 malam dan sepanjang program ini, para mahasiswa terutamanya dari luar Perlis akan mempelajari tentang gaya hidup masyarakat di Perlis serta mendalami budaya dan tradisi masyarakat Perlis yang tinggi dengan adat dan susilanya.

Bagi para pelajar UniMAP, inilah masanya untuk memupuk semangat kerja berpasukan dan bekerja dengan masyarakat; menimba pengalaman kehidupan bersama masyarakat

kampung; melatih kemahiran berkomunikasi; dan menyebarkan maklumat kepada keluarga angkat serta masyarakat kampung, khususnya mengenai program-program yang ditawarkan oleh UniMAP bagi memupuk minat adik-adik kita di sekolah rendah dan menengah untuk lebih mencintai dan memilih bidang kejuruteraan dan sains kelak.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada tahun ini juga, buat pertama kalinya UniMAP mencipta sejarah tersendiri apabila berganding bahu dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi menjayakan Rakan Anti Dadah atau ringkasnya RADA.

Idea penubuhan RADA ini dicetuskan atas keinsafan dan kesedaran bahawa pihak AADK adalah pelengkap kepada masyarakat yang aman dan harmoni selain turut menjadi medium perantara untuk merapatkan jurang antara AADK dan belia serta masyarakat setempat.

UniMAP sebelum ini juga sentiasa memandang serius isu Penagihan Dadah di negara ini amnya dan Perlis khasnya dan ia boleh dibuktikan melalui penganjuran Seminar Gejala ATS dan HIV AIDS yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP pada bulan Februari tahun lalu.

Sebagai sebuah universiti yang turut dilabelkan sebagai Gedung Ilmu Pengajian Tinggi, saya merasakan, UniMAP perlu memainkan peranan yang lebih efektif untuk menyokong usaha membanteras gejala dadah ini sehingga ke peringkat akar umbi.

Maka atas kesedaran itu juga, saya difahamkan, semua pelajar yang bakal mengikuti Program Bakti Siswa Perdana tahun ini telahpun mendaftar secara rasmi sebagai Ahli RADA dan saya mengharapkan, kumpulan mahasiswa ini akan menjadi mata dan telinga kepada AADK dalam menyalurkan maklumat dan membasmi gejala dadah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Berdasarkan statistik, jumlah penagih dadah di Perlis ketika ini ialah seramai 269 orang yang mana 199 daripadanya merupakan penagih baru. Walaupun jumlah ini menunjukkan penurunan berbanding 350 orang penagih pada tahun lalu, namun saya melihat gejala penagihan dadah yang sudah berlarutan sejak berdekad-dekat lamanya ini sememangnya amat serius dan merugikan keluarga, masyarakat bahkan negara.

Negara bukan sahaja rugi dari sudut kewangan akibat perbelanjaan pencegahan, rawatan dan pemulihan, malah

negara turut kehilangan aset bagi tujuan tenaga kerja membangunkan negara.

Keluarga pula terpaksa berdepan dengan pelbagai kesusahan dan keperitan menanggung beban yang ditimbulkan oleh seorang penagih. Justeru, besarlah harapan saya agar mahasiswa UniMAP akan menggunakan Program Baktasiswa Perdana tahun ini sebagai medium untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan ini dengan sebaik mungkin.

Anggaphlah penglibatan anda sebagai Ahli RADA ini sebagai satu ibadat yang akan mendapat ganjaran dan balasan dari Allah SWT.

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Menteri Besar Perlis, YAB Datuk Seri Dr. Mad Isa Sabu kerana sudi hadir melancarkan majlis pada pagi ini.

Harapan saya, agar penganjuran program kemasyarakatan ini oleh UniMAP akan memberikan manfaat besar kepada seluruh masyarakat di negeri Perlis.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.